

Headline	<b>Buang bayi wajar ditangani dengan ajaran agama</b>	Language	<b>Malay</b>
Date	<b>05 Sep 2010</b>	Page No	<b>3</b>
MediaTitle	<b>Harian Ekspres (KK)</b>	Article Size	<b>167 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Tempatan</b>	Color	<b>Black/white</b>
Journalist	<b>N/A</b>	ADValue	<b>344</b>
Frequency	<b>Daily</b>	PRValue	<b>1,032</b>
Circ / Read	<b>29,826 / 97,836</b>		



# Buang bayi wajar ditangani dengan ajaran agama

**SAYA** ingin mengulas mengenai surat Dr. John Teo bahawa penyelesaian untuk mengurangkan kes buang bayi ialah penggunaan alat pencegahan kehamilan, bukannya pusat perlindungan bayi, dalam bahagian Forum pada 23 Jun.

Pandangan saya disokong oleh fakta dan berdasarkan kajian, yang mana atas sebab-sebab tertentu, saya tidak dapat mendedahkan ia sepenuhnya. Kamus perubatan menggolongkan konsep kontraseptif (pencegah hamil) dan kaedah pengguguran kandungan di bawah satu kategori – “kontraseptif”.

Miller dan Keane (1983), *Encyclopedia and Dictionary of Medicine, Nursing, and Allied Health (3rd Edition)*, men-takrifkan ‘kontraseptif’ sebagai ‘mencegah berlakunya kehamilan’.

Antara kaedah kontraseptif yang disenaraikan ialah pil cegah hamil dan alat pencegahan kehamilan dalam rahim (IUD), yang mana kedua-duanya adalah kaedah pengguguran. Terdapat dua kaedah kontraseptif yang sebenar – pemandulan (*tubal ligation*, vasektomi) melalui pembedahan dan kaedah pencegahan seperti kondom, diafragma, dan ubat anti-sperma dan penutup serviks.

Di bawah adalah beberapa hasil kajian dan statistik:

- Kemboja memperkenalkan Program Kondom 100 peratus untuk mencegah AIDS. Penggunaan kondom telah meningkat dari 99,000 pada 1994 kepada 16 juta pada 2001. Kes HIV meningkat dari 14 pada 1994 kepada lebih 16,000 pada 2001.

- Lebih banyak penggunaan kondom dalam sesebuah negara, lebih tinggi kadar AIDS dicatatkan. Contohnya, Zimbabwe, Botswana, Afrika Selatan dan Kenya.

- Seramai 1,609 dari 4,666 (34.5 peratus) wanita memilih pengguguran kandungan di Klinik Pengguguran Kandungan Antarabangsa Leeds Marie selepas gagal menggunakan kondom (2006); 27 peratus pengguguran di Hospital Louis Paris disebabkan oleh kegagalan penggunaan kondom.

- Penggunaan pil pencegah hamil hormon membawa kepada beberapa kesan seperti tekanan darah tinggi, strok, dan sakit jantung, barah payu dara dan organ pembiakan, masalah penglihatan mata, kecacatan bayi dan banyak lagi;

- Pil pencegah hamil dengan estrogen-prostrogen adalah perangsang barah (*British Medical Journal*, 2005);

- Vasektomi boleh menyebabkan sakit jantung, diabetes, dan barah kalenjar prostat, meningkatkan risiko masalah buah pinggang seperti batu karang dan banyak lagi. Sementara *tubal ligation* boleh menyebabkan pendarahan (jika serius, pembedahan untuk pengguguran mungkin akan dilakukan) dan kandungan di luar rahim.

- IUD sebenarnya adalah kaedah pengguguran. IUD mungkin akan tersekat di dalam badan ibu (contohnya usus) dan bayi.

Daripada fakta yang diberikan, saya berani buat kesimpulan bahawa:

- Kaedah pencegahan kehamilan tidak memberikan sebarang jaminan kerana pengguna masih terdedah kepada kehamilan dan penyakit seksual serta penyakit-penyakit lain.

- Kebanyakan kaedah pencegahan dan semua kaedah pengguguran memberikan kesan negatif dari segi kesihatan fizikal. Wanita lebih banyak menerima kesan tersebut.

- Penggunaan alat cegah hamil menggalakkan seks sebelum berkahwin dan tidak membantu dalam perancangan keluarga seperti menurut Dr Teo. Ia juga meningkatkan masalah kehamilan tanpa dirancang, AIDS dan HIV dalam masyarakat.

Biar saya ingatkan bahawa penggunaan alat pencegahan kehamilan sebenarnya adalah perbuatan membunuh, yang mana bertentangan dengan semua ajaran agama. Ia bukan hanya membawa kepada masalah fizikal tetapi juga gangguan psikologi – secara mental dan emosi.

Bagi saya, kehamilan tanpa dirancang dan pembuangan bayi hanya boleh diselesaikan jika kita mengamalkan ajaran agama dengan serius.

Saya tertarik dengan sokongan penuh yang ditunjukkan oleh Dr Teo dalam usaha untuk mendidik remaja mengenai seks dan bahaya melakukan persetubuhan sebelum berkahwin.

**Lo Nam Yee**